

UUM dengan staf dan ahli keluarga yang bersara tidak akan putus sewenang-wenangnya kerana hubungan akrab ini amat penting dalam kehidupan seharian.

Beliau berkata, berikutan itu, hubungan baik ini mesti diteruskan dan pesara juga digalakkan terus mengunjungi UUM jika mempunyai kelapangan.

"Mereka juga boleh meminta bantuan daripada UUM sekiranya perlu apa-apa pertolongan dan jangan segan silu walaupun anggota keluarga tidak bekerja dengan UUM," katanya ketika berucap Majlis Sekalung Budi 2010 anjuran Jabatan Perdaftar di EDC UUM, di sini.

Dalam majlis itu, 24 pesara diraikan membabitkan enam bersara pilihan, 13 bersara wajib, seorang bersara atas sebab kesihatan serta empat lagi meninggal dunia ketika dalam perkhidmatan.

Turut hadir di majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr Ahmad Faiz Abd Hamid, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim, Penolong Naib Canselor College of Arts and Sciences, Prof Madya Dr Suhaidi Hassan, Pemangku Pendaftar Mohamad Akhir Yusof serta pegawai kanan lain.

Habis

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my